

Nama Tingkatan

Sekolah

MODUL PINTAS 2019

TINGKATAN 5

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos/September

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan sekolah dalam memupuk perpaduan antara kaum dan kekangan mewujudkan perpaduan antara kaum. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Perpaduan merujuk satu bentuk penyatuan pelbagai kelompok yang mempunyai latar belakang sosial, agama, budaya dan bahasa yang berbeza di bawah satu bentuk identiti serta dapat diterima oleh majoriti golongan etnik di negara ini. Sejarah juga menunjukkan bahawa perpaduan penting dalam sesebuah negara untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan negara. Negara yang mengamalkan perpaduan ternyata mampu mencapai kemajuan dan membina peradaban dengan lebih gemilang di puncak jaya. Merujuk Penyata Razak dan Laporan Rahman Talib, penekanan telah diberikan kepada sistem persekolahan yang bercorak kebangsaan. Jelaslah bahawa sistem pendidikan, khususnya sekolah merupakan satu kaedah untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan kaum. Oleh hal yang demikian, penekanan kepada sikap berbangga menjadi warganegara Malaysia perlu diterapkan dalam jiwa pelajar.

Sekolah juga berperanan dalam memupuk semangat muhibah dan semangat toleransi antara kaum. Hal ini dapat membantu menyuburkan semangat perpaduan kaum dan membolehkan mereka berinteraksi sesama mereka. Setiap subjek yang diajarkan di sekolah juga harus menitikberatkan aspek pendidikan yang harmonis. Nilai-nilai rohani dan budaya bersama perlu diberikan keutamaan dalam setiap subjek. Semangat perpaduan juga perlu merentasi kurikulum untuk membentuk dan menguatkan peribadi dan moral pelajar. Di samping itu, peranan bahasa Melayu ini perlu dilihat sebagai medium utama yang mampu menyempurnakan banyak perkara sepertiewartakan arahan-arahan untuk dipatuhi, menyuburkan nilai manusiawi dan mengukuhkan semangat kekitaan dalam jati diri warga sekolah. Perpaduan sesama pelajar akan dapat dieratkan sekiranya bahasa kebangsaan digunakan secara meluas mencakupi urusan rasmi atau tidak rasmi, dalam perbualan sehari-harian dan menjadi bahasa pendidikan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan.

Pelaksanaan Sekolah Wawasan telah memberikan kesan yang positif dalam menanam sifat perpaduan ke dalam diri pelajar sekolah pada peringkat sekolah rendah lagi. Pelajar dan guru dapat mewujudkan hubungan komunikasi yang baik dengan berkongsi infrastruktur yang sama, sekali gus mewujudkan perpaduan dalam kalangan kaum. Selain itu, pihak sekolah juga boleh menerapkan perpaduan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan seperti aktiviti sukan, pengurusan kelab dan persatuan serta aktiviti ceramah kesedaran haruslah dipergiat dan ditingkatkan. Aktiviti ini bukan sahaja dapat mengukuhkan perpaduan dan semangat kekitaan dalam diri pelajar, malah aktiviti ini dapat menjadi platform yang berguna untuk membina daya kepimpinan diri dan *mengasah kemahiran* insaniah para pelajar.

Kesimpulannya, di sebalik isu-isu perkauman yang dibakar apinya oleh sesetengah pihak, hakikatnya kita dapat melihat bahawa peranan sekolah sebagai agen penyatuan untuk memupuk nilai perpaduan tidak dikesampingkan. Kepelbagaian merupakan kekuatan kita, namun jika tersilap langkah boleh juga menjadi malapetaka yang bakal menimpa kita pada bila-bila masa. Semua pihak harus mempunyai kesedaran dan sama-sama berganding bahu mempertingkatkan nilai-nilai perpaduan antara kaum dan mewujudkan masyarakat madani yang cinta akan negara dan saling bekerjasama.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Perpaduan Kaum Sekolah Sebagai Agen Penyatuan'
oleh Zulfazlan Jumrah,
Dewan Siswa, Ogos 2017.

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *mengasah kemahiran* berdasarkan petikan. [2 markah]

(ii) Dalam petikan, pengarang menjelaskan beberapa kepentingan perpaduan dalam sesebuah negara.

Nyatakan kepentingan-kepentingan tersebut. [3 markah]

(iii) Ibu bapa berperanan penting dalam memupuk perpaduan antara kaum kepada generasi muda.

Apakah usaha-usaha yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk memupuk perpaduan antara kaum kepada generasi muda? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguh berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah wajah kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula bahasa dan pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dari etnik, warna kulit, bahasa dan percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’

oleh Husna Nazri,

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Mengapakah bonda mengatakan bahawa kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisi? [2 markah]

- (ii) Integrasi nasional merupakan isu utama bagi sesebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa dan agama.

Nyatakan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid. [3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata Awi Dicu, “Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini.” Maka segala orang Siam pun kembalilah. Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka mengadap Sultan Muzaffar Syah. Maka *segala perihal ehwal* itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk mengadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya “Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu.”

Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun menyuruh berlengkap kepada Pra Kelong delapan ratus sum, lain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, sekadar menantikan musim juga lagi.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *segala perihal ehwal*. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Sultan Muzaffar Syah bagi menghargai jasa Bendahara Paduka Raja dan hulubalang setelah berjaya mengusir orang-orang Siam? [3 markah]
- (iii) Peperangan harus dielakkan kerana boleh meninggalkan kesan buruk kepada imej negara dan menyebabkan rakyat hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan.

Berikan pendapat anda tindakan yang boleh dilakukan oleh seseorang pemimpin bagi mengelakkan peperangan berlaku. [3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

www.sibermerdeka.com.my

Dalam kebun diriku,
aku tanam saujana rancangan
untuk memerdekakan warga susahku
untuk menentang senja dan malam

Dalam parlimen diriku
aku bahas isu onak dan enak
untukku merdekakan warga fikirku
mengelak hidup dikotak-katikkan.

Dalam laut diriku
ombak gelora menampar pantai aman
untuk menguji amal dan iman.

Dalam gergasi diriku
terpedaya jua oleh permainan si kancil
namun sempat sedar dan beringat lagi.

Dalam pentas diriku
aku berlatih menangkis angin
aku berlatih memungkah awan
menghayati skrip demi skrip
yang tak duga klimaksnya.

Dalam dewan diriku
aku tak cemas lagi
oleh kata yang mengekang
aku tak lemas lagi
oleh kata yang menyerang.

Apabila sibermerdeka sampai
ke rumah cabaranku
aku panggil diriku bermesyuarah
menyokong, berkecuali atau menentang
aku ambil keputusan
waktu itu aku kenal batas diri

Kini, kapal diriku telah berlabuh di pangkalan usia
aku turun darinya menghadapi hidup nyata
peristiwa datang peristiwa pergi
bagai siang memanggil malam
dan siber merdeka terus berkaca
terus mengalirkan arus ingatan
elakkan dirimu menjadi sia-sia
hamparkan dirimu di persada tuhan.

ABDUL GHAFFAR IBRAHIM

Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah nasihat penyajak kepada pembaca dalam rangkap kelapan? [2 markah]
- (ii) Pada zaman globalisasi, peranti elektronik semakin meluas seperti cendawan tumbuh selepas hujan.
Pada pendapat anda, apakah cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dalam mendepani era globalisasi? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) urat
- (ii) hiris
- (iii) carik
- (iv) kepal
- (v) berkas
- (vi) tongkol

[6 markah]

- (b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) Kamal pergi ke Johor Bahru *petang* semalam.
- (ii) *Encik Low Ah Ming* pengurus besar di Syarikat Maju Teras.
- (iii) Sumathi disambut meriah setibanya di sekolah *kerana menjadi pemenang pingat emas Sukan ASEAN*.
- (iv) Pameran batik itu diadakan di *Butik Seri Kencana, Kota Bharu*.
- (v) *Komputer telapak* digunakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21.
- (vi) Bangunan bersejarah itu dibina dengan menggunakan batu-bata yang *bermutu tinggi suatu ketika dahulu*.

[6 markah]

- (c) Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan ejaan** dan **tiga kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kami selamat tiba di sempadan Kemboja setelah mengharung perjalanan selama dua hari. Setibanya kami di sana, pihak urussetia dari Kemboja telah menyediakan pengangkutan khas untuk kami bergerak ke destinasi kami, Kampung Khla Kham Chke. Telatah kanak-kanak yang mahu ke sekolah dipimpin oleh ibu bapa mereka mencuit hati kami sementara menunggu bas bergerak. Para jualan pula, sibuk menguruskan kedai dan memberikan layanan baik kepada pelanggan mereka.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kadar pengangguran yang meninggi dalam kalangan belia di negara ini disebabkan oleh kekurangan kemahiran terhadap bekerja dalam sektor 3D.
- (ii) Negara Mesir merupakan negara tengah timur yang pernah bergolak kerana ketidakstabilan politik di antara penduduk.
- (iii) Punca utama remaja yang telah diisytiharkan muflis di setiap tahun termasuklah untuk memenuhi keseronokan peribadi yang melebihi sumber kewangan.

[6 markah]

(e) *Berikan maksud peribahasa yang bersesuaian dengan peribahasa di bawah.*

- (i) Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua.
- (ii) Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung.
- (iii) Sediakan payung sebelum hujan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Jelaskan **sinopsis** yang terdapat dalam **sebuah** novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** persoalan tanggungjawab bagi setiap novel.

[8 markah]**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**